



NEGERI JOHOR

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF JOHORE GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 69

12hb Jun 2025

No. 24

No. 2484.

اینکمن فنتدیرن اکام اسلام (نکری جوهر) 2003

ثمیریتاهوان فتوی دباوه سوبسیکشن 48 (6)

فتوی اجرن THE AHMADI RELIGION OF PEACE AND LIGHT

قد منجالنکن کواس یغ دبریکن اولیه سیکشن 47 اینکمن فنتدیرن اکام اسلام (نکری جوهر) 2003 [اینکمن 16 تاهون 2003]، جاوتنکواس فتوی نکری جوهر، اُتس فرینته دان ثرکنن دولی یغ مها مولیا سلطان، میدیاکن فتوی یغ دباتاکن دباوه اونتوق دسیارکن منوروت سوبسیکشن 48 (6) اینکمن ایت.

1. اجرن The Ahmadi Religion Of Peace And Light اداله سست دان مپلو یغ سرتا برچغکه دغن اجرن اسلام دان حکوم شرع برداسرکن کفرچایاءن دان عملن مریک سقرتی یغ برایکوت:

(a) مفرچایاءي محمد بن الحسن العسكري (امام شیعة یغ ک- 12) سباکاي امام المهدي. بلیاو کینی دکاتاکن سدغ برسمبویی دان اکن مونچول قد اخیر زمان؛

(b) مندعوا امام المهدي یاءیت محمد ابن الحسن العسكري ممقویاءي فارا فنولوج اتاو انصار یغ تردیری درقد 12 اورغ یغ داغکف سباکاي کتورونن سجارا معنوي/روحاني. 12 اورغ این داغکف سباکاي مهدي ۲ کچیل یغ منجادی وکیل کقد امام مهدي درقد ساتو کینراسي کقد کینراسي سهیغک امام المهدي کلوار درقد فرسمبویین؛

c) مندعوا احمد الحسن سباكاي مهدي (فئولوغ امام المهدي) يغ فرتام ماناكالا عبد الله هاشيم سباكاي مهدي يغ كدوا؛

d) مندعوا احمد الحسن يغ دكلر اليمني برقران سباكاي اوتوسن كقد امام المهدي دان اكن ممباوا شريعة بهارو دان تراخير يغ ميمشورناكن اجران دان شريعة قارا نبي تردهولو. اوليه ايت، شريعة يغ دباوا اوليه احمد الحسن اكن داوبه سسوي دغن زمان سماس؛

e) مندعوا عبد الله هاشيم يغ دكلر صحابة دري مصر (The Companion Of Egypt) برقران سباكاي قمبركيت كلوارك نبي صلى الله عليه وسلم (The Riser/Qaim Of The Family Of Mohammed) يغ اكن ميمقين مانسي باكي ميمبوت امام المهدي. امام المهدي هان اكن برجاكف كقد مانسي ملالوئي القاتم؛

f) مفرچاباء بهاو امام مهدي اكن ميمشورناكن اكاه اسلام يغ ماسيه بلوم سمشورنا.

g) منافيكن كونسيف شرک دان نراك سرتا اخيرة سجارا عموم دان كسلوروهنن يغ ترمكتوب دالم القران دان الحديث سرتا مندعوا شرک يغ دديامي اوليه نبي ادم دان حواء اياله ددنيا، ماله شرک اخيرة ايت جوک اداله ددنيا، ماناكالا نراك فولا ممباوا مقصود ماتاهاري؛

h) ممبوات دعوان فلسو ترهادف قارا رسول، نبي دان ايسرتي ۲ مريک، انتاراث:

i. مندعوا بهاو ايسرتي نبي نوح عليه السلام دسلامتکن درقد بنجير بسر والافون قد اولن منتغ اجران نبي نوح عليه السلام. فغحيانن ايسرتين يغ دمقصودکن دالم القران اداله کران دي ملاکوکن هوپوغن ترلارغ دغن للاکي لاءين دان ملاهيرکن ساله ساورغ انق يغ کمودينن تغکلم دالم بنجير ترسبوت؛

ii. مندعوا توهن ممرينتهکن نبي ادم عليه السلام دان کتورونن اونتوق مغمملکن تقية دالم براکام؛

- iii. مندعوا نبي ابراهيم عليه السلام بركهوين دغن ادیق تیرین یاءیت ساره. حجه
این اداله برداسرکن کتراغن یغ تردافت دالم باییل؛
- iv. مندعوا نبي لوط عليه السلام مناورکن انق ۲ فرمقوانن اونتوق ملاکوکن
هوبوغن ترلارغ دغن فمودا ۲ کامقوغن دان منودوه نبي لوط عليه السلام
ملاکوکن هوبوغن سومیغ دغن انق ۲ فرمقوانن. نبي لوط عليه السلام جوک
دتودوه ملعکر فرینته الله دغن اغکن منیغکلکن قومن؛
- v. مندعوا سیتی حواء عليها السلام منجمبوروي سیتی فاطمه عليها السلام
کران الله تعالی منجادیکنن وانیتا یغ لیه بائیق درفدان بهکن نبي ادم عليه
السلام دکاتاکن فرنه چوبا ملاکوکن هوبوغن ترلارغ دغنن سهیغک داتغ
سیدنا علي کرم الله وجهه مغلالاوڻ درفد شرک؛
- vi. مندعوا بهاوا نبي إدريس عليه السلام ایاله دیوا کفرچایان مصر فوربا یاءیت
اوسیریس دان ممقویای انق برنام هوروس. هوروس فولا ددعوا سباکاي
جلماءن ملائکه برنام هور-رائیل دان جوک اداله جلماءن نبي نوح عليه
السلام؛ دان
- vii. مندعوا بهاوا نبي عيسى عليه السلام ایاله ملائکه جبریل عليه السلام؛
- i. مذهبنا قارا نبي دان رسول دغن مغانکن بهاوا تردافت قارا نبي یغ همقیر ۲ دتاریق
بالیق کنینن ترماسوقله نبي موسی عليه السلام، نبي یعقوب عليه السلام دان نبي
محمد صلی الله علیه وسلم؛
- j. مندعوا بهاوا نبي محمد صلی الله علیه وسلم ملاکوکن کسالم کران تیدق
مشخبرکن کقد قارا صحابة رضي الله عنهم تنتغ کدودوقن سیدنا علي کرم الله

وجھہ کران مالو بہاوا بلیاو ادالہ سفوفو دان برکھوین دغن انقن. سیدنا ابو بکر
دان سیدنا عمر رضي الله عنهما جوک دتودوه میسوغن اورغ اسلام دان ملیویغ
درقد اجرن اسلام دغن مغنثیکن سیدنا علی کرم الله وجهہ سباکای فغنکنتی یغ
سینر؛

k) برفقغ کغد کونسیف "رجعة" اتاو کلاهرن سمولا مانسی یغ تله ماتى
(reincarnation)؛

l) مندعوا بهاوا القرءان یغ اد قد هاری این تیدق لغکف اتاو دسلویغن. القرءان یغ
اد قد هاری این ادالہ ورسى تیدق لغکف یغ دکومقولکن اولیہ سیدنا عثمان رضى
الله عنه، ماناکالا ورسى لغکف ایالہ یغ دکومقولکن اولیہ سیدنا علی کرم الله
وجهہ یغ دفرتورونکن کغد فارا امام شیعة سهیغک کغد القائم، یاءیت عبد الله
هاشیم؛

m) منافیکن کوجودن ملائكة فنجات عمل بائق دان بوروق سرتا مندعوا ایان
سیمبولیک کغد ایندرا مانسی؛

n) مندعوا بهاوا سلاءین الله، تردافت فیهق لاءین یغ ترابیت دان برفرانن دالم
فنجیشتان مانسی دان عالم؛

o) مندعوا قبالبین نبی عیسی علیہ السلام ادالہ مغهافوسکن دوسا سموا مانسی قد
زمانن، بکیتو جوک کماتین سیدنا حسین دان نبی یحیی علیہ السلام؛

p) مندعوا بهاوا وانیتا تیدق قرلو ماکای حجاب دغن السن بهاوا ای ادالہ شریعة احمد
الیمنی، بهکن مندعوا بهاوا ای بوکن عملن اسلام دان حجاب باکى وانیتا هان سنة

دان بوکنش واجب. اولیه ایت، عبد الله هاشیم اکن براوسها مغهافوسکن اجرن
إسلام مغنائین دان مشکنتیکن دغن کفهمن؛

q) مندعوا صلاة بر مقصود توندوق کقد رسول، نبی دان امام. صلاة لیم وقتو اداله
مروجوع کقد ولی ۲ اتاو وکیل ۲ المهدی ترماسوق احمد الحسن، عبد الله هاشیم
دان فنولوج ۲ امام مهدی یغ ستروسن. اولیه ایت، صلاة دکاتاکن سباکای
بر مقصود فاتوه کقد مریک؛

r) مندعوا ارق اداله حلال دان فحرامن قد زمان نبی محمد صلی الله علیه وسلم اداله
دسبکن کران مشارکت عرب تر لالو ایکستیم مینوم؛

s) مندعوا قربواتن هوموسیکسوال بلوم دحرامکن قد زمان نبی لوط علیه السلام دان
قربواتن ترسبوت بوکن ساتو کسالم؛

t) مندعوا کعبه د مکة اداله ددیریکن اولیه قوم قریش دان کعبه یغ سبنر ترلنت دفترا
جوردن؛ دان

u) مندعوا بهاوا کالیندر هجرة اداله بوکن براساسکن کیران قمریه دان سبالیقن ایاله
شمسیه. اولیه ایت، اومت اسلام سلاما این تله ترسیلف دالم عبادة فواسا دان عبادة
حاج مریک یغ دلقسانکن بوکن قد وقتون. بولن رمضان یغ سبنر ددعوا قد بولن
دیسیمبر دان اورغ اسلام سقاتوتن بر فواسا قد بولن ترسبوت.

2. مان ۲ ایندیذیدو اتاو کومقولن اورغ یغ مشعمل دان مپیبر فهمن، اجرن دان فککن
سأومقام این اداله مپیویغ درقد اجرن اسلام.

3. اورغ اسلام هندقله منجاءوهي فهمن دان اجران اين سرتا دلارغ برقكغ دان برعمل دغنن. مان ۲ اورغ اسلام يغ تله مغيكوت دان معممكن اجران اين هندقله سكرتا برتوبه كقد الله سبحانه وتعالى.

4. اف ۲ فوبليسي، فعاجرن، فنوليسن، فپيارن دان فترپتن باهن برچيتق، اءوديو ويسوال اتاو اف ۲ يغ بركاءپتن دغن اجران The Ahmadi Religion Of Peace And Light اداله تيدق دبتركن دان هندقله دسكت.

5. اومت اسلام هندقله برقكغ كقد فكغن اهل السنة والجماعة درقد اسقيك عقيدة، شريعة دان تصوف/ اخلاق يغ برداسركن كفهمن اسلام.

6. كفتوتوسن اين اداله سلارس دغن فندغن حكوم جاوتنكواس مذاكرة مجلس كبغساءن باكي حال احوال اكلام اسلام مليسيا (MKI) كالي ك-124 يغ برسيدغ قد 19-21 ذوالحجة 1445 هجرية برسامان 26-28 جون 2024 ميلادية.

برتاريخ 2 جمادى الآخر 1446 / 4 ديسيمبر 2024
[JMJ.351/04/01/6/70;PPUUNJ.(R).600-1/5/8(52)]

دغن تيته،

داتوء حاج يحيى بن احمد

مفتي نكري

جوهر

فوان زارينا بنت عبد القدير

جورو توليس مجلس مشوارت كراجاءن

جوهر

ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM (NEGERI JOHOR) 2003

PEMBERITAHUAN FATWA DI BAWAH SUBSEKSYEN 48 (6)

FATWA AJARAN THE AHMADI RELIGION OF PEACE AND LIGHT

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 47 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Johor) 2003 [*Enakmen 16 Tahun 2003*], Jawatankuasa Fatwa Negeri Johor, atas perintah dan perkenan Duli Yang Maha Mulia Sultan, menyediakan fatwa yang dinyatakan di bawah untuk disiarkan menurut subseksyen 48 (6) Enakmen itu.

1. Ajaran The Ahmadi Religion Of Peace And Light adalah sesat dan menyeleweng serta bercanggah dengan ajaran Islam dan hukum syarak berdasarkan kepercayaan dan amalan mereka seperti yang berikut:
 - a) mempercayai Muhammad Bin al-Hassan al-Askari (Imam Syiah yang ke-12) sebagai Imam al-Mahdi. Beliau kini dikatakan sedang bersembunyi dan akan muncul pada akhir zaman;
 - b) mendakwa Imam al-Mahdi iaitu Muhammad Ibni al-Hassan al-Askari mempunyai para penolong atau ansar yang terdiri daripada 12 orang yang dianggap sebagai keturunannya secara maknawi/rohani. 12 orang ini dianggap sebagai Mahdi-Mahdi kecil yang menjadi wakil kepada Imam al-Mahdi daripada satu generasi kepada generasi sehingga Imam al-Mahdi keluar daripada persembunyiannya;
 - c) mendakwa Ahmad al-Hassan sebagai Mahdi (penolong Imam al-Mahdi) yang pertama manakala Abdullah Hashem sebagai Mahdi yang kedua;
 - d) mendakwa Ahmad al-Hassan yang digelar al-Yamani berperanan sebagai utusan kepada Imam al-Mahdi dan akan membawa syariat baharu dan terakhir yang menyempurnakan ajaran dan syariat para nabi terdahulu. Oleh itu, syariat yang dibawa oleh Ahmad al-Hassan akan diubah sesuai dengan zaman semasa;
 - e) mendakwa Abdullah Hashem yang digelar sahabat dari Mesir (The Companion Of Egypt) berperanan sebagai pembangkit keluarga Nabi Salla Allahu Alaihi Wasallam (The Riser / Qaim Of The Family Of Mohammed) yang akan memimpin manusia bagi menyambut Imam al-Mahdi. Imam al-Mahdi hanya akan bercakap kepada manusia melalui al-Qaim;
 - f) mempercayai bahawa Imam al-Mahdi akan menyempurnakan agama Islam yang masih belum sempurna;
 - g) menafikan konsep syurga dan neraka serta akhirat secara umum dan keseluruhannya yang termaktub dalam al-Quran dan al-Hadis serta mendakwa syurga yang didiami oleh Nabi Adam dan Hawa ialah di dunia, malah syurga akhirat itu juga adalah di dunia, manakala neraka pula membawa maksud matahari;

-
- h) membuat dakwaan palsu terhadap para Rasul, Nabi dan isteri-isteri mereka, antaranya:
- i. mendakwa bahawa isteri Nabi Nuh Alaihissalam diselamatkan daripada banjir besar walaupun pada awalnya menentang ajaran Nabi Nuh Alaihissalam. Pengkhianatan isterinya yang dimaksudkan dalam al-Quran adalah kerana dia melakukan hubungan terlarang dengan lelaki lain dan melahirkan salah seorang anak yang kemudiannya tenggelam dalam banjir tersebut;
 - ii. mendakwa Tuhan memerintahkan Nabi Adam Alaihissalam dan keturunannya untuk mengamalkan taqiyyah dalam beragama;
 - iii. mendakwa Nabi Ibrahim Alaihissalam berkahwin dengan adik tirinya iaitu Sarah. Hujah ini adalah berdasarkan keterangan yang terdapat dalam Bible;
 - iv. mendakwa Nabi Luth Alaihissalam menawarkan anak-anak perempuannya untuk melakukan hubungan terlarang dengan pemuda-pemuda kampungnya dan menuduh Nabi Luth Alaihissalam melakukan hubungan sumbang dengan anak-anak perempuannya. Nabi Luth Alaihissalam juga dituduh melanggar perintah Allah dengan enggan meninggalkan kaumnya;
 - v. mendakwa Siti Hawa Alaihassalam mencemburui Siti Fatimah Alaihassalam kerana Allah Ta'ala menjadikannya wanita yang lebih baik daripadanya bahkan Nabi Adam Alaihissalam dikatakan pernah cuba melakukan hubungan terlarang dengannya sehingga datang Saidina Ali Karamallahu Wajhah menghalaunya daripada syurga;
 - vi. mendakwa bahawa Nabi Idris Alaihissalam ialah dewa kepercayaan Mesir purba iaitu Osiris dan mempunyai anak bernama Horus. Horus pula didakwa sebagai jelmaan malaikat bernama Hur-Rail dan juga adalah jelmaan Nabi Nuh Alaihissalam; dan
 - vii. mendakwa bahawa Nabi Isa Alaihissalam ialah malaikat Jibril Alaihissalam.
- i) menghina para Nabi dan Rasul dengan mengatakan bahawa terdapat para Nabi yang hampir-hampir ditarik balik kenabiannya termasuklah Nabi Musa Alaihissalam, Nabi Ya'aqub Alaihissalam dan Nabi Muhammad Salla Allahu Alaihi Wasallam;
- j) mendakwa bahawa Nabi Muhammad Salla Allahu Alaihi Wasallam melakukan kesalahan kerana tidak mengkhabarkan kepada para sahabat Radiallahu Anhum tentang kedudukan Saidina Ali Karamallahu Wajhah

kerana malu bahawa beliau adalah sepupu dan berkahwin dengan anaknya. Saidina Abu Bakar dan Saidina Umar Radiallahu Anhuma juga dituduh memesongkan orang Islam dan menyeleweng daripada ajaran Islam dengan mengeneipkan Saidina Ali Karamallahu Wajhah sebagai pengganti yang sebenar;

- k) berpegang kepada konsep “Raj’ah” atau kelahiran semula manusia yang telah mati (reincarnation);
- l) mendakwa bahawa al-Quran yang ada pada hari ini tidak lengkap atau diselewengkan. Al-Quran yang ada pada hari ini adalah versi tidak lengkap yang dikumpulkan oleh Saidina Uthman Radiallahu Anhu manakala versi lengkap ialah yang dikumpulkan oleh Saidina Ali Karamallahu Wajhah yang diperturunkan kepada para Imam Syiah sehingga ke al-Qaim, iaitu Abdullah Hashem;
- m) menafikan kewujudan malaikat pencatat amal baik dan buruk serta mendakwa ianya simbolik kepada indera manusia;
- n) mendakwa bahawa selain Allah, terdapat pihak lain yang terbabit dan berperanan dalam penciptaan manusia dan alam;
- o) mendakwa penyaliban Nabi Isa Alaihissalam adalah menghapuskan dosa semua manusia pada zamannya, begitu juga kematian Saidina Husin dan Nabi Yahya Alaihissalam;
- p) mendakwa bahawa wanita tidak perlu memakai hijab dengan alasan bahawa ia adalah syariat Ahmad al-Yamani, bahkan mendakwa bahawa ia bukan amalan Islam dan hijab bagi wanita hanya sunat dan bukan wajib. Oleh itu, Abdullah Hashem akan berusaha menghapuskan ajaran Islam mengenainya dan menggantikannya dengan kefahamannya;
- q) mendakwa solat bermaksud tunduk kepada Rasul, Nabi dan Imam. Solat lima waktu adalah merujuk kepada wali-wali atau wakil-wakil al-Mahdi termasuk Ahmad al-Hassan, Abdullah Hashem dan penolong-penolong Imam Mahdi yang seterusnya. Oleh itu, solat dikatakan sebagai bermaksud patuh kepada mereka;
- r) mendakwa arak adalah halal dan pengharamannya pada zaman Nabi Muhammad Salla Allahu Alaihi Wasallam adalah disebabkan kerana masyarakat Arab terlalu ekstrim meminumnya;
- s) mendakwa perbuatan homoseksual belum diharamkan pada zaman Nabi Luth Alaihissalam dan perbuatan tersebut bukan satu kesalahan;

- t) mendakwa ka'abah di Mekah adalah didirikan oleh kaum Quraish dan ka'abah yang sebenar adalah terletak di Petra Jordan; dan
- u) mendakwa bahawa Kalendar Hijrah adalah bukan berasaskan kiraan qamariah dan sebaliknya ialah shamsiah. Oleh itu, umat Islam selama ini telah tersilap dalam ibadah puasa dan ibadah haji mereka yang dilaksanakan bukan pada waktunya. Bulan Ramadan yang sebenar didakwa pada bulan Disember dan orang Islam sepatutnya berpuasa pada bulan tersebut.
2. Mana-mana individu atau kumpulan orang yang mengamalkan dan menyebarkan fahaman, ajaran dan pegangan seumpama ini adalah menyeleweng daripada ajaran Islam.
3. Orang Islam hendaklah menjauhi fahaman dan ajaran ini serta dilarang berpegang dan beramal dengannya. Mana-mana orang Islam yang telah mengikut dan mengamalkan ajaran ini hendaklah segera bertaubat kepada Allah Subhanahu Wa Taala.
4. Apa-apa publisiti, pengajaran, penulisan, penyiaran dan penerbitan bahan bercetak, audio visual atau apa-apa yang berkaitan dengan ajaran "The Ahmadi Religion Of Peace And Light" adalah tidak dibenarkan dan hendaklah disekat.
5. Umat Islam hendaklah berpegang kepada pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah daripada aspek akidah, syariah dan tasawuf / akhlak yang berdasarkan kefahaman Islam.
6. Keputusan ini adalah selaras dengan pandangan hukum Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam (MKI) kali ke -124 yang bersidang pada 19-21 Zulhijjah 1445 Hijriah bersamaan 26-28 Jun 2024 Miladiah.

Bertarikh 2 Jamadilakhir 1446 / 4 Disember 2024

[JMJ.351/04/01/6/70;PPUUNJ(R)600-1/5/8(52)]

Dengan Titah,

DATO' HAJI YAHYA BIN AHMAD

Mufti Negeri

Johor

PUAN ZARINA BINTI ABDUL KADIR

Jurutulis Majlis Mesyuarat Kerajaan

Johor